

07 NOV 2000

Putrajaya-bangga/(Fokus Berita)

PUTRAJAYA: SUATU KEBANGGAAN NEGARA

Oleh: Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Sebagai pusat pentadbiran negara yang baru adalah bertepatan kerajaan mencadangkan agar Putrajaya berada dalam Wilayah Persekutuan.

Berikutan status baru itu, Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan, dengan pembangunan yang terancang berserta aestetik dan praktikaliti teknologi moden, sudah pasti keberkesanannya akan dapat dipertingkatkan.

Hakikatnya ia terletak dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) akan membolehkannya menyumbang kepada kelancaran pelaksanaan projek MSC, penggerak aliran pusat-pusat industri multimedia di dunia, dan pada satu hari nanti MSC diharapkan dapat menjadi pesaing kepada Lembah Silikon yang berada di Amerika Syarikat.

Perjanjian untuk menjadikan Putrajaya seluas 4,931ha itu sebagai Wilayah Persekutuan ditandatangani di Istana Negara di sini hari ini oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bagi Kerajaan Persekutuan manakala Raja Muda Selangor Raja Idris Shah menandatangani bagi pihak kerajaan negeri Selangor.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan upacara menandatangani perjanjian itu bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan Menteri Besar Datuk Dr Mohamed Khir Toyo, bagi pihak negeri Selangor.

Perjanjian itu akan berkuatkuasa pada suatu tarikh yang akan diputuskan kemudian selepas mendapat persetujuan Majlis Raja-raja dan kelulusan rang undang-undang yang berkaitan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor dan Parlimen.

Idea untuk membina Putrajaya sebagai pusat pentadbiran persekutuan di luar Kuala Lumpur dimulakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mana idea itu kemudiannya diikuti oleh proses mengenal pasti tapak yang sesuai, seperti Janda Baik di Pahang dan Prang Besar di Sepang, Selangor.

Ramai mengalu-alukan idea untuk memindahkan jentera pentadbiran negara ke kawasan baru, kerana ramai berpendapat perlunya kementerian-kementerian dan jabatan kerajaan yang terletak di beberapa tempat di Kuala Lumpur ditempatkan dalam satu kawasan.

Kesegeraan untuk mewujudkan pusat pentadbiran baru dirasai berikutan Kuala Lumpur yang berkembang begitu pesat dan masalah kehidupan di pusat bandar itu berikutan pembangunan, seperti kesesakan lalu lintas.

Kabinet pada Jun 1993 meluluskan Prang Besar sebagai pusat pentadbiran baru, kawasan itu asalnya ladang getah dan kelapa sawit, dan Kabinet kemudiannya meluluskan pelan pembangunan Putrajaya pada Februari 1995.

Prang Besar diberi nama baru Putrajaya pada Oktober 1994, sebagai memperingati Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Perjanjian untuk membangunkannya ditandatangani pada Julai 1995 antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor, yang mana sebuah badan dikenali sebagai Perbadanan Putrajaya akan ditubuhkan untuk mentadbir dan menguruskan Putrajaya bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

Kita akan berasa tenteram melawat Putrajaya, yang mana terdapat bangunan-bangunan indah seperti Jabatan Perdana Menteri yang berwarna kehijauan dan Masjid Putra yang berwarna kemerahjambuan dikelilingi oleh kehijauan dan bunga-bunga berwarna warni dan ketenangan air tasiknya.

Kehijauan adalah sejajar dengan konsep "taman bandaraya" bagi pembangunan Putrajaya, sebagaimana yang difokaskan dalam pelan induk

terhadap kawasan pembangunan seluas 4,400 ha itu, kira-kira separuh saiz Labuan, satu lagi kawasan yang berada dalam Wilayah Persekutuan, di samping Kuala Lumpur.

Dr Mahathir melancarkan projek bernilai RM20.09 bilion itu yang dianggap sebagai "bandaraya pintar masa depan" pada 29 Ogos 1995, dengan meletakkan sebuah batu bata yang disaluti emas pada satu struktur khas.

Pada majlis pelancaran, beliau berkata Kuala Lumpur, Putrajaya dan pintu masuk utama negara, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) pada satu hari nanti akan menjadi bandaraya mega yang dapat menyaingi bandaraya-bandaraya mega seperti Tokyo-Yokohama.

Strategi bandaraya pasangan antara pentadbiran-komersil seperti itu wujud di negara-negara lain seperti di Australia (Canberra-Sydney) dan di Brazil (Brasilia-Rio de Janeiro).

Dr Mahathir berkata beliau bangga Putrajaya dirancang dengan teliti dan dan dibangunkan oleh rakyat Malaysia sendiri, ia mencerminkan apa yang dapat dicapai dengan semangat Malaysia Diperbadankan, bagi mencapai Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Kos pembangunan, termasuk RM700 juta untuk pemilikan tanah, RM15.29 bilion untuk prasarana, kemudahan dan pejabat kerajaan, RM4.1 bilion bagi perumahan dan unit komersil.

Selain Putrajaya kawasan sekitarnya kira-kira 10,000 ha juga akan dibangunkan, katanya.

Pembangunan Putrajaya dilakukan dalam dua fasa membabitkan tempoh 10 tahun, yang pertama melibatkan pembangunan prasarana RM9 bilion meliputi kawasan kira-kira 2,500 ha dilaksanakan antara 1996 dan 2000.

Fasa kedua dari 2000 hingga 2005 membabitkan kemudahan komersil bernilai RM11.5 bilion meliputi kawasan seluas 1,870 ha.

Apabila siap sepenuhnya, Putrajaya dijangka akan mempunyai penduduk seramai 350,000 dan 67,000 unit rumah kediaman, separuh daripadanya untuk kakitangan kerajaan. Ia juga akan mempunyai ruang komersil kira-kira 3 juta kaki persegi.

Selain pejabat kerajaan, unit komersil dan rumah, kawasan tersebut juga akan mempunyai jalan berhias sepanjang 4.2km, 10 jambatan, marina, hospital, balai polis, medan dan plaza selain pusat sukan dan kebudayaan.

Dr Mahathir memulakan lawatan pertamanya ke pusat pentadbiran di Putrajaya pada 21 Jun 1999 dan Kabinet mengadakan mesyuarat mingguan pertamanya di situ dua hari kemudiannya.

Perdana Menteri tidak dapat menyembunyikan kegembiraannya berikutan cepatnya projek itu dilaksanakan, apabila menyatakan beliau memasuki pejabat barunya hanya tiga tahun selepas melakukan upacara pecah tanah untuk pusat pentadbiran itu pada 10 Sept 1996.

Bagaimanapun tidak semuanya di Putrajaya diperbuat daripada batu bata kerana alam sekitar juga diberikan perhatian.

Di samping pelbagai jenis pokok dan tumbuhan di kawasan itu, satu komponen penting bandar itu ialah pembangunan tasik seluas 400 ha dan kawasan paya seluas 197 ha.

Tasik itu direka bentuk untuk pelbagai kegunaan, seperti untuk sukan air dan aktiviti memancing.

Status Wilayah Persekutuan adalah bertepatan untuk Putrajaya, yang menjadi suatu kebanggaan negara, untuk membantu mengerakkan negara dalam alaf baru.

-- BERNAMA
MAM AHH AZZ RI